

11/01/1998

Cuepacs lega kegawatan bakal berakhir

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Pekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs) lega kerana ekonomi negara dijangka pulih ke tahap sederhana dalam tempoh enam hingga 12 bulan akan datang.

Presidennya, Mohamed Mat Jid, berkata ini sudah tentu membolehkan pekerja menerima gaji yang baik nanti.

Menurutnya, peluang pekerjaan juga akan terbuka luas apabila kerajaan menghantar balik pekerja asing tidak lama lagi.

Sehubungan itu, katanya, dalam kegawatan ekonomi negara sekarang, pekerja perlu bersabar demi membantu memulihkan keadaan.

Beliau berkata demikian ketika mengulas keyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ekonomi negara akan pulih sekurang-kurangnya ke tahap sederhana dalam tempoh enam hingga 12 bulan jika rakyat menaruh kepercayaan penuh terhadap nilai ringgit dan pasaran saham negara.

Keyakinan itu dinyatakan Dr Mahathir ketika ditemu bual dalam Wawancara Khas Pengguna dan Ekonomi, melalui slot Malaysia Hari Ini (MHI) yang disiarkan di TV3, kelmarin.

Aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye, berkata rakyat perlu sedar tanpa pengorbanan dan keyakinan terhadap mata wang negara, isu kegawatan ekonomi tidak akan dapat diatasi.

Sambil menyokong cadangan Perdana Menteri supaya rakyat memberi kepercayaan terhadap nilai ringgit dan pasaran saham tempatan, beliau berkata rakyat perlu memahami masalah yang dihadapi negara dan sedia berkorban apa sahaja.

"Selain itu, rakyat juga perlu mengubah cara hidup dengan mengamalkan budaya belanja berhemat dengan membeli barangan keperluan sahaja," katanya.

(END)